

Tanya Cikgu Naim



SOALAN

Apakah perbezaan perkataan 'cikgu' dan 'guru'?

Oleh: Murni bte Zaimi,
P6J, Sekolah Rendah Zhenghua



JAWAPAN

Sewaktu memberi hormat kepada 'orang yang mendidik' kamu, ucapan yang manakah yang kamu gunakan:

1. Selamat pagi, Cikgu
2. Selamat pagi, Guru

Jawapannya tentulah ucap selamat (1). Mengapakah kamu tidak menggunakan ucap selamat (2)?

Sebenarnya, 'cikgu' merupakan panggilan atau kata sapaan untuk guru. Kekata 'cikgu' itu daripada akronim encik / cik guru. Sementara 'guru' pula ialah sejenis pekerjaan, karyawan atau profesion. Sama seperti doktor, penyelia, dan sebagainya. Berbeza dengan doktor, kata sapaan yang digunakan ialah doktor sahaja atau didahului dengan Tuan (Tuan Doktor – belum ada Puan Doktor). Begitu juga dengan Pengetua (Encik/Tuan pengetua).

Terdapat juga pengguna yang keliru. Mereka merujuk guru wanita sebagai 'cikgi'. Sebenarnya tidak wujud cikgu-cikgi.

Perhatikan ayat berikut. Yang mana betul dan yang mana salah?

- Dia bercita-cita hendak menjadi **cikgu** ketika dewasa kelak.
- Cikgu baharu saya itu segar dan pintar.
- Guru akan marah kalau kita tidak menyudahkan tugas.
- Guru umpama pelita; menerangi orang lain dan membakar diri sendiri.
- Cikgu besar hendak menemui **cikgu** saya.
- Cikgu kelas itu bercuti selama enam bulan.